



PERSATUAN BANK BANK DALAM MALAYSIA
THE ASSOCIATION OF BANKS IN MALAYSIA

Headline: Warga emas rugi RM91,000

Publication/Portal: Sinar Harian
Date: 8 October 2018

Language: Malay

Section: Sentral
Page: 19

Warga emas rugi RM91,000

*Ditipu Macau Scam
kononnya terlibat
pemindahan wang
haram*

ASYRAF MUHAMMAD

PUCHONG

Seorang warga emas terpaksa berputih mata selepas mengalami kerugian berjumlah RM91,000 ekoran penipuan yang dilakukan oleh sindiket Macau Scam.

Mangsa berkenaan yang hanya ingin dikenali sebagai Ah Chui, 63, berkata, kejadian tersebut berlaku apabila dia menerima panggilan telefon daripada seorang individu pada 14 September lalu yang mendakwa dirinya mewakili pihak mahkamah.

"Pihak berkenaan menelefon dan memaklumkan bahawa dia ingin menyerahkan waran bagi membekukan akaun peribadi saya berikutan terdapat kaitan dengan kes pinjaman wang dari sebuah bank.

"Malah menerusi perbualan berkenaan, pihak terbabit juga telah berpura-pura menyambung panggilan berkenaan ke Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kuala Terengganu dan menyatakan bahawa saya terlibat dengan sindiket pemindahan wang haram bernilai RM1 juta melalui akaun berkenaan," katanya.

Bagi menyelesaikan perkara itu, Ah Chui berkata pihak berkenaan telah menggesanya memasukkan wang berjumlah RM71,000 ke dalam beberapa akaun bank berlainan bagi membersihkan rekodnya itu.

Berikutan terlalu takut dengan ugutan tersebut, Ah Chui berkata dia tidak berfikir panjang dan terus memasukkan wang berkenaan ke dalam akaun yang dinyatakan pihak



Ah Chui (dua, kanan) menunjukkan laporan polis yang dibuat, semalam.

terlibat bagi mengelakkan sebarang permasalahan timbul.

"Selepas saya masukkan wang itu, pihak berkenaan menghubungi saya sekali dan meminta saya memberikan wang sebanyak RM20,000 lagi sebagai jaminan bagi memasti-

kan saya tidak melarikan diri.

"Selepas saya buat transaksi itu sekali lagi, mereka masih menghubungi saya dan meminta agar saya memasukkan lagi sejumlah RM20,000 berikutan mahkamah ingin meningkatkan wang jaminan.

"Namun saya mula rasa pelik dan kluatir dengan tindakan pihak berkenaan dan terus ke Balai Polis Puchong untuk buat laporan kerana merasakan ada sesuatu tidak kena berhubung perkara ini," katanya.

Sementara itu, Adun Kinrara, Ng Sze Han berkata, pihaknya akan merujuk kes berkenaan dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) serta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) bagi menyasat perkara ini dengan lebih teliti.

Beliau berkata, SKMM boleh mengesan suspek terlibat melalui nombor telefon pemanggil berkenaan bagi membolehkan tindakan selanjutnya diambil selepas ini.

"Ini merupakan satu jenayah atas talian dan saya nasihatkan kepada orang ramai agar tidak mudah terpedaya apabila menerima panggilan sebegini.

"Apa yang penting jangan panik dan rujuk pihak berkaitan dahulu untuk sebarang pengesahan," katanya.